



Kepada:
Editor
Forum, Berita Harian

17 Okt 2007

MUIS SEDANG BANGUNKAN KURIKULUM PENDIDIKAN ISLAM MENYELURUH BAGI DEWASA

SAYA merujuk kepada pandangan Encik Adi Hermawan Md Jumali (BH, 6 Oktober), Encik Ismail Saad (BH, 26 September) dan Encik Zulkarnain Onan (BH, 29 September) berkenaan sistem pendidikan agama bagi golongan dewasa di Singapura.

Kami akur bahawa pendidikan Islam di semua peringkat perlu dikemas kini dan dipertingkat, lebih-lebih lagi dalam konteks menghadapi keadaan hidup yang pesat berubah dengan pelbagai cabaran baru.

Oleh itu, Majlis Ugama Singapura (Muis) telah pun membuat semakan terhadap pendidikan Islam peringkat kanak-kanak, remaja dan belia.

Hasil semakan tersebut, Sistem Pendidikan Islam Singapura (SIES) dan program-program a.L.I.V.E. telah diperkenal.

Kini, kami sedang dalam usaha membangunkan pula kurikulum menyeluruh bagi pendidikan Islam peringkat dewasa.

Ini termasuk program pengajian di masjid, sama ada dalam bentuk kuliah, syarahan atau sebagainya.

Ia bertujuan menyokong usaha murni asatizah kita, ke arah memperkaya dan memperdalam lagi kefahaman Islam di kalangan golongan dewasa sesuai dengan konteks kehidupan hari ini.

Kurikulum ini akan merangkumi pelajaran asas seperti fiqah, tauhid, tafsir, hadis dan juga sirah, namun menekankan pendekatan yang berdasarkan tuntutan dan isu-isu kontemporari yang dihadapi masyarakat Islam setempat.

Etika dan tradisi keilmuan ulama silam, dalam mengambil pendirian dan menangani kepelbagaian dan perbezaan pendapat perlu difahami masyarakat.

Perasaan saling menghormati dalam perbezaan pendapat perlu menjadi budaya dalam masyarakat lebih-lebih lagi dalam konteks perbezaan pendapat semakin menyelerah dewasa kini.

Melalui kurikulum ini, kami berharap dapat mengukuhkan lagi identiti Muslim kita.



Antara lain, identiti itu menekankan sifat berpegang teguh pada prinsip Islam dengan pada masa yang sama, mampu menyesuaikan diri dengan kehidupan masa kini, terbuka dalam menghadapi kepelbagaian pendapat dan juga kepelbagaian umat manusia, serta mempunyai keutuhan moral dan kerohanian dalam melayari cabaran semasa.

Inilah ciri-ciri yang sepatutnya wujud dalam individu setiap Muslim Singapura dan kami berharap ia dapat diterapkan melalui sistem pendidikan yang sedang dibangunkan.

Ustaz Nazirudin Mohd Nasir
Ketua, Pejabat Mufti
Majlis Ugama Islam Singapura (Muis)